

VIACORAM tablet

Perindopril arginine/amlodipine
3.5mg/2.5mg, 7mg/5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VIACORAM
2. Bagaimana VIACORAM berfungsi
3. Sebelum mengambil VIACORAM
4. Cara menggunakan VIACORAM
5. Semasa menggunakan VIACORAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VIACORAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan VIACORAM

VIACORAM adalah gabungan dua bahan aktif, *perindopril* dan *amlodipine*. Kedua-dua bahan ini membantu untuk mengawal tekanan darah tinggi anda.

VIACORAM digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi) yang diklasifikasi sebagai “mild” atau “moderate” dalam kalangan orang dewasa.

Bagaimana VIACORAM berfungsi

Perindopril adalah ACE (Angiotensin Converting Enzyme) inhibitor. *Amlodipine* adalah calcium antagonist (yang dimiliki oleh kelas ubat-ubatan yang dipanggil *dihydropyridines*). Bersama-sama mereka berfungsi untuk melebarkan dan mengendurkan saluran darah supaya darah mengalir dengan lebih mudah dan memudahkan jantung anda mengekal aliran darah yang baik.

Sebelum mula menggunakan VIACORAM

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengguna VIACORAM:

- jika anda alah (hipersensitif) kepada *perindopril* atau ACE inhibitor yang lain, atau *amlodipine* atau calcium antagonist yang lain, atau sebarang bahan dalam ubat ini (yang disenaraikan dalam seksyen bahan-bahan kandungan),
- jika anda mempunyai masalah ginjal yang teruk,
- jika anda pernah mengalami gejala-gejala seperti berdehit, bengkak muka atau lidah, gatal-gatal yang sengit atau ruam kulit yang teruk dengan rawatan ACE inhibitor

sebelum ini atau jika anda atau ahli keluarga anda pernah mempunyai gejala-gejala ini dalam sebarang keadaan lain (keadaan yang dipanggil angioedema),

- jika anda mengalami pengecilan injap aortic jantung (stenosis aortic) atau kejutan kardiogenik (sesuatu keadaan di mana jantung anda tidak dapat membekalkan darah yang mencukupi untuk badan),
- jika anda mempunyai tekanan darah rendah yang teruk (hypotension),
- jika anda mengalami kegagalan jantung selepas serangan jantung,
- jika anda mengandung lebih dari 3 bulan (adalah lebih baik untuk mengelakkan VIACORAM pada awal kandungan - lihat seksyen mengandung),
- jika anda mempunyai penyakit kencing manis atau masalah ginjal dan anda dirawat dengan ubat untuk mengurangkan tekanan darah yang mengandungi *aliskiren*,
- jika anda menerima dialisis atau sebarang jenis rawatan penapisan darah. Bergantung kepada mesin yang digunakan, VIACORAM mungkin tidak sesuai untuk anda,
- jika anda mempunyai masalah ginjal di mana bekalan darah ke ginjal anda rendah (stenosis arteri ginjal),
- jika anda pernah atau sedang dirawat dengan *sacubitril/valsartan*, ubat untuk kegagalan jantung, kerana risiko *angioedema* (bengkak di bawah permukaan kulit seperti kerongkong) akan meningkat (sila rujuk “Amaran dan langkah berjaga-jaga” dan “Jika mengguna ubat-ubat lain”)

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, fikir anda mungkin mengandung atau merancang untuk mempunyai bayi, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengguna ubat ini.

Mengandung

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda fikir bahawa anda sudah (atau mungkin) mengandung. Doktor anda biasanya akan menasihati anda untuk berhenti mengguna

VIACORAM sebelum anda mengandung atau sebaik sahaja anda tahu anda mengandung dan menasihati anda untuk mengguna ubat lain selain dari VIACORAM. VIACORAM tidak digalakkan semasa awal kehamilan, dan tidak boleh diguna apabila anda mengandung lebih dari 3 bulan kerana boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi anda jika digunakan selepas bulan ketiga kehamilan.

Menyusukan anak

Amlodipine boleh terkandung dalam susu ibu dalam jumlah yang kecil. Sila beritahu doktor anda jika anda sedang menyusukan anak atau ingin memulakan penyusuan. VIACORAM tidak digalakkan untuk ibu-ibu yang sedang menyusukan anak dan doktor anda akan memilih rawatan yang lain jika anda ingin menyusukan anak, terutamanya jika bayi anda baru lahir, atau dilahirkan pramatang.

VIACORAM mengandungi lactose monohydrate

Jika doktor anda pernah memberitahu bahawa anda tidak bertoleransi terhadap beberapa jenis gula, hubungi doktor anda sebelum mengguna produk perubatan ini.

Kanak-kanak dan remaja

VIACORAM tidak sepatutnya diberikan kepada kanak-kanak dan remaja.

Sebelum menggunakan VIACORAM

Amaran dan langkah berjaga-jaga

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengguna VIACORAM jika anda:

- mempunyai *hypertrophic cardiomyopathy* (penyakit otot jantung),
- mempunyai kegagalan jantung,
- mempunyai peningkatan tekanan darah yang teruk (krisis hipertensif),
- mempunyai masalah jantung lain,
- mempunyai masalah hati,
- mempunyai masalah ginjal (termasuk transplantasi ginjal),
- mempunyai peningkatan paras hormon aldosteron yang luar biasa dalam darah anda (*primary aldosteronism*),

- mempunyai penyakit kolagen vaskular (penyakit tisu penghubung) seperti *systemic lupus erythematosus* atau *scleroderma*,
 - mempunyai diabetes,
 - mengamalkan diet garam rendah atau menggunakan pengganti garam yang mengandungi kalium (tahap darah kalium yang seimbang adalah penting),
 - warga tua dan dos anda perlu ditingkatkan,
 - menggunakan mana-mana ubat yang berikut untuk merawat tekanan darah tinggi:
 - o “*angiotensin II receptor blocker*” (*ARBs*) (juga dikenali sebagai *sartans* – sebagai contoh *valsartan*, *telmisartan*, *irbesartan*), khususnya jika anda mempunyai masalah ginjal yang berkaitan dengan diabetes.
 - o *aliskiren*.
- Doktor anda mungkin memeriksa fungsi ginjal, tekanan darah, dan jumlah elektrolit (contohnya kalium) dalam darah anda secara berkala.
- Lihat juga maklumat di bawah tajuk “Jangan menggunakan *VIACORAM*”.
 - berasal orang berkulit hitam kerana anda mungkin mempunyai risiko angioedema yang lebih tinggi dan ubat ini mungkin kurang berkesan untuk menurunkan tekanan darah anda berbanding pesakit bukan berkulit hitam.
 - sedang mengambil ubat-ubatan berikut, kerana risiko angioedema meningkat:
 - o *racecadotril* (digunakan untuk merawat cirit-birit),
 - o *sirolimus*, *everolimus*, *temsirolimus* dan ubatan tergolong dalam kelas *mTOR inhibitors* (digunakan untuk mengelak penolakan pemindahan organ dan rawatan kanser)
 - o *sacubitril* (sedia ada sebagai kombinasi dos tetap dengan *valsartan*) digunakan untuk merawat kegagalan jantung jangka panjang),
 - o *linagliptin*, *saxagliptin*, *sitagliptin*, *vildagliptin* dan ubat-ubat lain dalam kelas *gliptins* (digunakan untuk merawat kencing manis).

Angioedema:

Angioedema (reaksi alahan yang teruk dengan kebengkakan pada muka, bibir, lidah atau tekak dengan kesukaran

menelan atau bernafas) pernah dilaporkan dalam pesakit yang dirawat dengan *ACE inhibitors*, termasuk *perindopril*. Ini boleh berlaku pada bila-bila masa semasa rawatan. Jika anda mengalami simptom tersebut, anda perlu berhenti menggunakan *VIACORAM* dan berjumpa doktor dengan segera. Lihat juga seksyen kesan-kesan sampingan.

Apabila anda menggunakan *VIACORAM*, anda juga perlu memaklumkan doktor atau kakitangan perubatan jika anda:

- akan menjalani *anaesthesia* am dan/atau pembedahan besar,
- baru-baru ini mengalami cirit-birit atau muntah-muntah (menjadi sakit),
- akan menjalani apheresis LDL (penyingkiran kolesterol dari darah anda oleh mesin),
- akan mempunyai rawatan penyahpekaan untuk mengurangkan kesan alahan kepada sengatan lebah atau tebuhan.

Jika menggunakan ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan atau telah baru-baru ini menggunakan atau mungkin menggunakan ubat-ubatan lain.

Elakkan dari menggunakan *VIACORAM* dengan:

- *lithium* (digunakan untuk merawat penyakit mania atau kemurungan),
- *estramustine* (digunakan dalam terapi kanser),
- ubat *potassium-sparing* (contohnya *triamterene*, *amiloride*), suplemen kalium atau pengganti garam yang mengandungi kalium, ubat-ubat lain yang boleh meningkatkan kalium dalam badan (seperti *heparin*, ubat untuk mencairkan darah untuk mengelak pembekuan darah, *trimethoprim* dan *co-trimoxazole* juga dikenali sebagai *trimethoprim/sulfamethoxazole* untuk merawat jangkitan dan *ciclosporin*, ubat *immunosuppressant* untuk mengelak penolakan pemindahan organ),
- *aliskiren* (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi), (lihat juga seksyen “Jangan menggunakan *VIACORAM*” dan “Amaran dan langkah berjaga-jaga”),
- *angiotensin II - receptor blockers* (*ARB*) (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi) (contohnya

valsartan, *telmisartan*, *irbesartan*...),

- *dantrolene* (infusi) (digunakan untuk merawat kekejangan otot dalam penyakit seperti *multiple sclerosis* atau merawat *hyperthermia* yang malignan semasa anestesia, simptom termasuk demam yang sangat tinggi dan kekejangan otot),
- *sacubitril/valsartan* (digunakan untuk merawat kegagalan jantung jangka panjang). Sila rujuk “Jangan menggunakan *VIACORAM*” dan “Amaran dan langkah berjaga-jaga”.

Rawatan dengan *VIACORAM* boleh dipengaruhi oleh ubat-ubatan lain. Pastikan anda memberitahu doktor anda jika anda menggunakan sebarang ubat-ubatan berikut kerana penjagaan khas mungkin diperlukan:

- ubat-ubatan lain untuk merawat tekanan darah tinggi, termasuk diuretik (ubat-ubatan yang meningkatkan jumlah air kencing yang dihasilkan oleh ginjal),
- ubat-ubatan yang digunakan untuk mengelakkan penolakan pemindahan organ (*sirolimus*, *everolimus*, *temsirolimus* dan ubatan tergolong dalam kelas *mTOR inhibitors*). Sila rujuk “Amaran dan langkah berjaga-jaga”,
- *non-steroidal anti-inflammatory* (contohnya *ibuprofen*) untuk mengurangkan kesakitan atau *aspirin* berdos tinggi,
- ubat-ubatan untuk merawat diabetes (contohnya *insulin*, *gliptins*),
- ubat-ubatan untuk merawat gangguan mental seperti kemurungan, kebimbangan, skizofrenia etc (contohnya *tricyclic antidepressants*, antipsikotik, *imipramine-like antidepressants*, *neuroleptics*),
- *immunosuppressants* (ubat-ubatan yang menyekat sistem imun) digunakan untuk rawatan gangguan auto-imun atau selepas pembedahan transplan (contohnya *ciclosporin*, *tacrolimus*),
- *allopurinol* (untuk rawatan gout),
- *procainamide* (untuk rawatan degupan jantung yang tidak teratur),
- *vasodilator* termasuk *nitrates* (ubat-ubatan yang meluaskan saluran darah),
- *heparin* (ubat-ubatan yang digunakan untuk menipiskan darah),
- *ephedrine*, *noradrenaline* atau *adrenaline* (ubat-ubatan yang

- digunakan untuk merawat tekanan darah rendah, kejutan atau asma),
- *baclofen* digunakan untuk merawat kekejangan otot di dalam penyakit seperti *multiple sclerosis*,
 - antibiotik seperti *rifampicin*, *erythromycin*, *clarithromycin*,
 - agen anti-epileptik seperti *carbamazepine*, *phenobarbital*, *phenytoin*, *fosphenytoin*, *primidone*,
 - *itraconazole*, *ketoconazole* (ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat),
 - *alpha-blockers* digunakan untuk rawatan bengkak prostat seperti *prazosin*, *alfuzosin*, *doxazosin*, *tamsulosin*, *terazosin*,
 - *amifostine* (digunakan untuk mencegah atau mengurangkan kesan sampingan yang disebabkan oleh ubat-ubatan lain atau terapi radiasi yang digunakan untuk merawat kanser),
 - *corticosteroid* (digunakan untuk merawat pelbagai keadaan termasuk asma yang teruk dan artritis reumatoid),
 - *gold salts*, terutamanya administrasi melalui intravena (digunakan untuk merawat gejala-gejala artritis reumatoid),
 - *ritonavir*, *indinavir*, *nelfinavir* (yang dipanggil *protease inhibitors* digunakan untuk merawat HIV),
 - ubat-ubatan *potassium-sparing* yang digunakan dalam rawatan kegagalan jantung: *eplerenone* dan *spironolactone* pada dos antara 12.5 mg hingga 50mg sehari,
 - *trimethoprim* dan *co-trimoxazole* (untuk rawatan jangkitan),
 - *hypericum perforatum* (*St John's wort*, sejenis ubat herba yang digunakan untuk merawat kemurungan).

Cara menggunakan VIACORAM

Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa menggunakan VIACORAM seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Dos yang disyorkan adalah satu tablet VIACORAM 3.5 mg/2.5 mg sekali sehari.

Jika anda mengalami masalah ginjal yang sederhana, doktor anda mungkin menasihatkan anda untuk makan satu tablet VIACORAM 3.5 mg/2.5 mg selang sehari pada permulaan rawatan.

Bergantung kepada tindak balas anda terhadap rawatan, doktor anda mungkin meningkatkan dos selepas sebulan kepada VIACORAM 7 mg/5 mg sekali sehari jika perlu.

Satu tablet VIACORAM 7 mg/5 mg sekali sehari adalah dos maksimum yang disyorkan untuk tekanan darah tinggi.

Jangan melebihi dos yang ditetapkan.

Bila perlu digunakan

Makan tablet anda sebaik-baiknya pada masa yang sama untuk setiap hari, pada waktu pagi, sebelum makan.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan VIACORAM untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Adalah penting untuk memakan ubat anda setiap hari supaya rawatan yang diterima berkesan. Sekiranya anda terlupa memakan satu dos VIACORAM, makan dos seterusnya pada waktu yang biasa. Jangan makan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda memakan terlalu banyak tablet, hubungi jabatan kemalangan dan kecemasan yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera. Kesan paling ketara dalam kes terlebih dos adalah tekanan darah rendah yang boleh menyebabkan anda rasa pening atau pingsan. Jika ini terjadi, membaring dengan kaki anda dibangkitkan boleh membantu.

Cecair berlebihan mungkin terkumpul di dalam paru-paru anda (*pulmonary oedema*) menyebabkan sesak nafas yang mungkin berpanjangan sehingga 24-48 jam selepas pengambilan.

Semasa menggunakan VIACORAM

Perkara yang perlu dilakukan

Makan ubat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Oleh kerana rawatan dengan VIACORAM biasanya sepanjang hayat, anda perlu berbincang dengan doktor

anda sebelum berhenti memakan tablet anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian VIACORAM dengan makanan dan minuman

Lihat seksyen bila perlu digunakan.

Jangan memakan buah dan jus limau gedang (*grapefruit*) bersama VIACORAM. Ini kerana ia boleh menyebabkan peningkatan tahap bahan aktif *amlodipine* di dalam darah yang boleh menyebabkan penurunan tekanan darah akibat daripada peningkatan kesan VIACORAM yang tidak menentu.

Memandu dan mengendalikan mesin

VIACORAM boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika tablet ini membuatkan anda rasa sakit, pening, lemah atau letih, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mendapatinya.

Berhenti mengguna produk perubatan ini dan jumpa doktor dengan segera, jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan berikut yang mungkin serius:

- semput (*wheeziness*) yang tiba-tiba, sakit dada, sesak nafas, atau sukar bernafas (*bronchospasm*), (Luar biasa),
- bengkak bahagian kelopak mata, muka atau bibir (Luar biasa),
- bengkak bahagian lidah dan tekak, yang boleh menyebabkan kesukaran pernafasan (*angioedema*) (Luar biasa),
- alahan kulit yang teruk termasuk ruam kulit yang sengit, gatal-gatal, kemerahan pada kulit di seluruh badan anda, gatal-gatal yang teruk (*erythema multiforme*) (Sangat jarang berlaku), melepuh, kulit mengelupas dan bengkak (*exfoliative dermatitis*) (Sangat jarang berlaku), keradangan membran mukus (*Stevens Johnson Syndrome*) (Sangat jarang berlaku) atau reaksi alahan lain (Luar biasa),

- pening yang teruk atau pengsan disebabkan tekanan darah rendah (Biasa),
- kelemahan tangan atau kaki, atau kesukaran bercakap yang mungkin adalah tanda-tanda strok (Sangat jarang berlaku),
- serangan jantung, sakit dada (*angina*) (Sangat jarang berlaku), denyutan jantung yang luar biasa, cepat atau tidak normal (Biasa),
- radang pankreas yang boleh menyebabkan sakit perut dan belakang yang teruk disertai dengan rasa sangat tidak sihat (Sangat jarang),
- kekuningan kulit atau mata (*jaundice*) yang mungkin adalah tanda-tanda hepatitis (Sangat jarang).

Kesan-kesan sampingan berikut pernah dilaporkan dengan *VIACORAM*. Jika anda mengalami mana-mana kesan ini, anda perlu **menghubungi doktor anda**:

- Biasa (boleh memberi kesan sehingga 1 dalam 10 orang): rasa ringan kepala, batuk, oedema (pengekalanan cecair).
- Jarang (boleh memberi kesan sehingga 1 dalam 100 orang): tahap kalium yang tinggi dalam darah yang boleh menyebabkan denyutan jantung yang luar biasa (hiperkalemia), gula berlebihan dalam darah (hiperglisemia), keletihan.

Kesan-kesan sampingan berikut pernah dilaporkan dengan *perindopril* atau *amlodipine*. Jika anda mengalami mana-mana kesan ini, anda perlu **menghubungi doktor anda**:

- Sangat biasa (boleh memberi kesan lebih daripada 1 dalam 10 orang): oedema (pengekalanan cecair).
- Biasa (boleh memberi kesan sehingga 1 dalam 10 orang): sakit kepala, mengantuk (terutamanya pada permulaan rawatan), rasa persepsi yang tidak biasa, kebas atau sensasi semut-semut pada anggota badan, vertigo, gangguan penglihatan (termasuk penglihatan berganda), tinnitus (sensasi bunyi di dalam telinga), debaran jantung (kesedaran denyutan jantung anda), kepanasan, sesak nafas (*dyspnoea*), sakit perut, loya (rasa muntah), muntah, dispepsia atau kesukaran penghadaman, perubahan tabiat usus, sembelit, cirit-

birit, gatal-gatal, ruam kulit, kemerahan kulit, *pruritus*, bengkak buku lali, kejang otot, keletihan, kelemahan.

- Luar biasa (boleh memberi kesan sehingga 1 dalam 100 orang): peningkatan dalam beberapa sel-sel darah putih (eosinofilia), tahap natrium yang rendah dalam darah (hiponatremia), tahap gula yang rendah dalam darah (hipoglisemia), perubahan emosi, kebimbangan, tidak dapat tidur, kemurungan, gangguan tidur, *syncope*, kehilangan sensasi kesakitan, menggeletar, vaskulitis (keradangan saluran-saluran darah), *rhinitis* (hidung tersumbat atau berair), mulut kering, lebih berpeluh, keguguran rambut, tompok merah pada kulit, perubahan warna kulit, pembentukan kelompok lepuh atas kulit, sensitif terhadap cahaya, sakit belakang, sakit otot atau sendi, gangguan dalam membuang air kecil, peningkatan membuang air kecil pada waktu malam, peningkatan bilangan kali membuang air kecil, masalah ginjal, mati pucuk, ketidakselesaan atau pembesaran payudara pada lelaki, sakit dada, rasa tidak sihat, sakit, peningkatan atau penurunan berat badan, peningkatan urea darah, peningkatan kreatinin darah, jatuh, demam.
- Jarang (boleh memberi kesan sehingga 1 dalam 1000 orang): kegagalan buah pinggang akut; simptom keadaan yang dipanggil SIADH (rembesan hormon antidiuretik yang tidak sesuai): air kencing berwarna gelap, rasa mual (loya) atau rasa sakit (muntah), kekejangan otot, kekeliruan dan sawan; tiada air kencing atau air kencing menjadi kurang; *psoriasis* semakin teruk, tahap bilirubin serum yang tinggi, peningkatan tahap enzim hati.
- Sangat jarang berlaku (boleh memberi kesan sehingga 1 dalam 10,000 orang): perubahan dalam nilai-nilai darah seperti bilangan sel-sel darah putih dan merah yang lebih rendah, hemaglobin yang lebih rendah, bilangan darah platlet yang lebih rendah, peningkatan kekejangan otot, gangguan saraf yang boleh menyebabkan kelemahan, semut-

semut atau kebebasan, *eosinophilic pneumonia* (sejenis pneumonia yang jarang berlaku), kebengkakan gusi, kembung perut (gastritis), kekuningan kulit (*jaundice*).

- Kekerapan tidak diketahui (kekerapan tidak boleh dianggarkan berdasarkan data yang sedia ada): rasa gementar, postur tegar, wajah bertopeng, pergerakan yang perlahan dan perjalanan yang tidak seimbang, perubahan warna, kebas dan sakit jari atau jari kaki (*Raynaud's phenomenon*).

Air kencing yang pekat (warna gelap), berasa sakit, kekejangan otot, kekeliruan dan sawan yang mungkin disebabkan oleh rembesan ADH (hormon anti-diuretik) yang boleh terjadi dengan *ACE inhibitors*.

Sekiranya anda mengalami simptom ini, hubungi doktor anda secepat mungkin.

Melaporkan kesan sampingan

Beritahu doktor/ pegawai farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang mengganggu anda atau yang berterusan. Inilah beberapa kesan sampingan *VIACORAM* sahaja. Hubungi doktor/ pegawai farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan VIACORAM

Penyimpanan

Simpan ubat ini jauh dari penglihatan dan pencapaian kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak dan botol. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan di bawah suhu 30°C.

Setelah dibuka, *VIACORAM* harus digunakan dalam masa 10 hari untuk bekas tablet yang mengandungi 10 biji tablet dan 30 hari untuk bekas tablet yang mengandungi 30 biji tablet.

Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan anda yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.


No.8, Jalan SS21/37,
Damansara Uptown
47400 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RiMUP
22 Disember 2022

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk:

VIACORAM 3.5 mg/2.5 mg tablet adalah berwarna putih, berbentuk bulat, berdiameter 5mm.

VIACORAM 7 mg/5 mg tablet adalah berwarna putih, berbentuk bulat, berdiameter 6mm, diukir dengan  pada satu muka.

Tablet boleh didapati di dalam pek yang mengandungi 10 atau 30 biji.

Bahan penyerap kelembapan (*desiccant*) hadir dalam penutup bekas tablet.

Tidak semua saiz pek dipasarkan.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif:

Bahan aktif ialah *perindopril arginine* dan *amlodipine*.

Satu tablet *VIACORAM* 3.5 mg/2.5 mg mengandungi 2.378 mg *perindopril* bersamaan dengan 3.5 mg *perindopril arginine* dan 3.4675 mg *amlodipine besilate* bersamaan dengan 2.5 mg *amlodipine*.

Satu tablet *VIACORAM* 7 mg/5 mg mengandungi 4.756 mg *perindopril* bersamaan dengan 7 mg *perindopril arginine* dan 6.935 mg *amlodipine besilate* bersamaan dengan 5 mg *amlodipine*.

- Bahan-bahan lain:

Lactose monohydrate, *magnesium stearate (E470B)*, *cellulose microcrystalline (E460)*, *colloidal anhydrous silica (E551)*.

Nombor MAL:

MAL 19016045AZ

MAL 19016046AZ

Pengilang

Servier (Ireland) Industries Ltd
Gorey Road
Arklow
Co. Wicklow
Ireland

Pemegang pendaftaran produk

Servier Malaysia Sdn Bhd
Unit No.25-02, Level 25, Imazium